

13 JUN 1999

Kesatuan

KESATUAN SEKERJA DIGESA BIJAK BERI PANDANGAN

DUNGUN, 13 Jun (Bernama) -- Kesatuan sekerja di negara ini digesa supaya menggunakan pendekatan yang bijaksana dalam memberikan pandangan kepada kerajaan berhubung pelbagai isu yang berkaitan dengan mereka.

Setiausaha Agung Kelab Senator Malaysia, Senator Rosli Mat Hassan berkata langkah itu penting agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan tindakan di luar undang-undang negara yang boleh merugikan masa depan mereka.

Sehubungan itu beliau berkata, kesatuan sekerja perlu mempunyai jalinan erat dengan kerajaan dalam menyelesaikan masalah yang wujud kerana kerajaan sentiasa melihat kemunculan mereka sebagai rakan untuk memajukan negara.

"Kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebenarnya melihat kesatuan sekerja sebagai rakan kepada kerajaan untuk membangunkan negara, oleh itu hubungan erat harus wujud antara mereka dan kerajaan," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) cawangan Terengganu di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Presiden ANULAE Kebangsaan, Rahim Mahad dan Setiausaha Agungnya, Mat Akir Mansor serta lebih 200 perwakilan dari seluruh negeri Terengganu.

Rosli turut menggesa kesatuan sekerja supaya mengemukakan pengurusan yang profesional dan perlu memberi pendapat yang bernas serta membangun sebagai memberi sokongan yang padu terhadap kerajaan dan kestabilan negara.

Sehubungan itu beliau kesal dengan tindakan sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menentang dasar kerajaan sehingga ia memberikan imej buruk kepada pertubuhan berkenaan.

"Mereka tidak harus mudah diperalatkan pihak tertentu yang mempunyai kepentingan peribadi sehingga sanggup mencemarkan imej sendiri dan ini sebenarnya langkah yang merugikan masa depan pertubuhan berkenaan," tegasnya.

Menurut Rosli, kerajaan sentiasa memberikan perhatian serius terhadap peranan kesatuan sekerja dalam pembangunan negara dan kerana itu setiap pandangan daripada mereka sering diberi pertimbangan wajar demi kepentingan bersama.

Oleh itu katanya, semua pihak termasuk kesatuan sekerja perlu membantu kerajaan dalam mengekalkan keamanan negara bagi memastikan segala pandangan yang diberikan itu dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna.

--BERNAMA

ayb zb